

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 1999/2000

Februari 2000

AAP 324 – Pengauditan 2

Masa : [3 jam]

ARAHAN:

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **LIMA (5)** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab **SEMUA** soalan.

Soalan 1

Di dalam pengauditan Syarikat Mahfuz bagi tahun berakhir 1998, anda telah menjumpai beberapa perkara yang pada pendapat anda mungkin memerlukan pelarasan ke atas buku syarikat. Kemataman di peringkat perancangan adalah RM75,000 berdasarkan 5 % daripada keuntungan sebelum cukai. Keuntungan sebenar sebelum cukai dan sebelum pelarasan berjumlah RM1,750,000. Pelarasan yang mungkin perlu dilakukan:

- 1) Syarikat tidak memperuntukkan untuk keusangan inventori. Ujian yang telah anda laksanakan menunjukkan peruntukan yang sesuai ialah di antara RM30,000 dan RM35,000.
- 2) Melalui penelitian yang telah dijalankan, anda mendapati hutang lapuk telah berkurangan nyata sebanyak RM40,000.
- 3) Tatacara penggalan telah menunjukkan bahawa beberapa invois jualan yang telah dicatatkan di dalam tahun 1998 adalah untuk barangan yang telah dihantarkan pada awal 1999. Barangan tidak dimasukkan di dalam inventori, tetapi telah diketepikan di suatu kawasan lain sementara menunggu penghantaran. Jumlah inventori yang menunggu penghantaran ini ialah RM36,022.
- 4) Beberapa kredit memo yang diproseskan dan dicatatkan pada hujung tahun adalah berhubung dengan jualan dan akaun belum terima bagi tahun 1998. Jumlah kesemua memo ialah RM23,529.
- 5) Tatacara penggalan menunjukkan inventori berjumlah RM22,357 yang telah diterima pada 30 Disember 1998 telah dicatatkan sebagai belian dan akaun belum bayar pada 1999. Kesemua butiran ini telah dimasukkan di dalam pengiraan inventori pada hujung tahun dan dengan ini telah dimasukkan di dalam pengiraan inventori akhir.

...2/-

- 6) Sebanyak RM50,000 telah diambil kira sebagai belanja hasil sedangkan ia adalah belanja modal.

Dikehendaki:

- a) Sediakan kertas ringkasan pelarasan pengauditan (summary of audit adjustments). Anda hendaklah menunjukkan catatan pelarasan yang diperlukan, jumlah yang terlibat, kesannya ke atas aset semasa, aset jangka panjang, liabiliti semasa, liabiliti jangka panjang, belanja dan pendapatan.
- b) Apakah kesan bersih catatan pelarasan tersebut ke atas modal kerja, jumlah aset dan pendapatan bersih?
- c) Patutkah catatan pelarasan dibuat? Bincangkan.
- d) Bagaimanakah anda perlu menasihati pelanggan jika beliau enggan membuat pelarasan?
- e) Apakah tindakan selanjutnya yang boleh diambil oleh juruaudit sekiranya pelanggan enggan membuat pelarasan?

[30 markah]

Soalan 2

Berikut adalah pengiraan juruaudit berhubung dengan nisbah utama yang penting bagi USM Berhad. Objektif penelitian data ini adalah untuk meneliti risiko kegagalan kewangan.

NISBAH	1999	1998	1997	1996	1995
Semasa	2.08	2.26	2.51	2.43	2.50
Kecairan	.97	1.34	1.82	1.76	1.64
Pendapatan sebelum cukai dibahagikan dengan belanja faedah	3.50	3.20	4.10	5.30	7.10
Pusing ganti akaun belum terima	4.20	5.50	4.10	5.40	5.60
Hari untuk kutipan akaun belum terima	108.20	83.10	105.20	80.60	71.60
Pusing ganti inventori	172.60	195.10	133.90	107.80	108.30
Jualan bersih dibahagikan dengan aset ketara	.68	.64	.73	.69	.67
Pendapatan operasi dibahagikan dengan jualan bersih	.13	.14	.16	.15	.14
Pendapatan operasi dibahagikan dengan aset ketara	.09	.09	.12	.10	.09
Pendapatan bersih dibahagikan dengan amaun saham biasa	.05	.06	.10	.10	.11
Perolehan sesaham	RM4.30	RM4.26	RM4.49	RM4.26	RM4.14

...3/-

Dikehendaki:

- a) Apakah rumusan utama yang dapat anda buat berhubung dengan masa depan syarikat?
- b) Apakah maklumat tambahan yang diperlukan untuk menilai kedudukan kewangan syarikat?
- c) Berdasarkan nisbah di atas, aspek syarikat yang mana satukah yang patut menerima perhatian yang teliti semasa pengauditan dijalankan?

[15 markah]

Soalan 3

Jawatankuasa audit pelanggan anda menitikberatkan kualiti pengauditan dan keupayaan seseorang juruaudit menjaga kebebasannya pada setiap masa.

Buat masa ini, firma anda menawarkan perkhidmatan berikut kepada pelanggan:

- 1) penasihat cukai dan perkhidmatan perundingan kepada syarikat dan pengarah
- 2) perkhidmatan perundingan pengurusan, termasuk penasihat berhubung dengan:
 - penyediaan ramalan dan projeksi keuntungan
 - sistem maklumat
 - sistem kawalan dalaman
- 3) bertindak sebagai juruaudit dalaman yang telah di "outsourced" didalam syarikat subsidiari pelanggan anda.

Dikehendaki:

- a) Bincangkan sejauh mana peruntukan setiap satu daripada perkhidmatan yang telah disenaraikan di atas boleh menjejaskan kebebasan juruaudit dan kualiti kerja juruaudit.
- b) Bincangkan bagaimana caranya sesebuah firma audit boleh mengurangkan kesan penawaran setiap satu perkhidmatan tersebut ke atas kebebasannya.

[15 markah]

Soalan 4

Solehah dan Solehin adalah akauntan bertauliah yang sedang meneliti inventori Syarikat Heng Elektronik. Mereka telah menjalankan pengauditan dan telah berpuashati bahawa:

- 1) senarai percetakan komputer inventori pada akhir tahun yang dinyatakan mengikut turutan menaik nombor inventori dan nombor kelompok adalah mencukupi pada 31 Disember 1999.
- 2) kuantiti yang di tunjukkan adalah betul.
- 3) "extensions" bilangan kuantiti dan harga adalah tepat.
- 4) senarai telah dijumlahkan dengan betul dan
- 5) jumlahnya adalah sama dengan baki akhir lejar am

Sebagai langkah yang selanjutnya, Solehah dan Solehin telah membuat keputusan untuk menggunakan sampel bukan statistik untuk menguji harga inventori. Mereka telah merancang untuk menjalankan ujian, melalui penyemakan harga kepada:

- (i) invois jualan, dan
- (ii) senarai harga semasa yang telah disediakan oleh pembekal.

Inventori akhir terdiri daripada 3,000 unit dengan nilai yang dicatatkan sebanyak RM1,900,000. Rekod inventori berterusan telah digunakan untuk mencatatkan setiap butiran inventori.

Solehah dan Solehin bersetuju bahawa salahnyata sebanyak RM85,000 atau lebih didalam baki inventori apabila digabungkan dengan salahnyata di dalam akaun lain boleh membawa kepada salahnyata yang matan di dalam penyata kewangan.

Dikehendaki:

- a) Menentukan komponen risiko audit yang mana satukah yang mempunyai perhubungan dengan ujian harga inventori?
- b) Apakah faktor yang boleh mempengaruhi Solehah dan Solehin didalam penentuan ukuran sampel?
- c) Apakah unit persampelan yang harus digunakan dan bagaimanakah sampel harus dipilih?
- d) Andaikan sampel harga 100 unit inventori telah diperiksa. Jumlah nilai yang dicatatkan bagi sampel ini ialah RM75,000. Lapan daripada unit di dalam sampel mempunyai kesilapan harga yang boleh menyebabkan unit terlebihnyata sebanyak RM4,800. Bagaimanakah Solehah dan Solehin seharusnya menterjemahkan keputusan sampel ini?

[20 markah]

...5/-

Soalan 5

Syarikat Insuran Takaful mempunyai pejabat cawangan di merata negeri di Malaysia dan mempunyai 1,000 agen insuran. Sebagai seorang ahli juruaudit luaran pada akhir tahun, anda telah dipanggil untuk menghadiri mesyuarat bersama-sama pengurus anda. Beliau memberitahu anda bahawa beliau sedang mengawasi aktiviti salah seorang agen insuran yang telah menghantarkan borang pertukaran alamat pelanggannya dengan banyak. Kesemua borang pertukaran alamat memberikan satu alamat yang sama iaitu alamat agen insuran tersebut. Kebanyakan polisi yang telah dikeluarkan oleh agen pelanggan telah diberi pinjaman peribadi. Pengurus syarikat menyatakan kebimbangan beliau mengenai perkara tersebut kerana pada pendapat beliau agen insuran itu mungkin mendapatkan pinjaman peribadi ke atas polisi insuran pelanggannya tanpa pengetahuan mereka.

Dikehendaki:

- a) Jelaskan bagaimana anda boleh menggunakan perisian audit umum ("generalised audit software") untuk menentukan sama ada agen tersebut telah melakukan perkara yang disyaki?
- b) Andaikan agen itu telah berbuat demikian, apakah kawalan yang anda boleh cadangkan untuk menghindari perkara itu daripada berulang?

[20 markah]

---ooo000ooo---

